

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

- (a) apakah visi Kementerian untuk menjadikan Kuala Lumpur selaku bandar raya bertaraf dunia; dan
- (b) apakah keutamaan Kementerian di dalam pelaksanaan mencapai visi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi keutamaan di dalam melaksanakan pembaharuan semula bandar melalui penyediaan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur. Ia bertujuan memberi panduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak-pihak berkepentingan untuk membangunkan semula kawasan-kawasan kurang

berdaya maju termasuk kawasan perumahan, perindustrian dan perdagangan yang lama dan usang, serta kurang sesuai untuk diduduki, untuk dibangunkan semula sebagai kawasan yang vibran dan berdaya maju.

Kerangka penetapan Visi perancangan serta pembangunan Kuala Lumpur dilaksanakan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) yang disediakan oleh pihak DBKL yang merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) utama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). PSLK 2020 telah menetapkan Visi Kuala Lumpur sebagai ‘Sebuah Bandar Raya Bertaraf Dunia’ merangkumi cita-cita menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang akan memainkan peranan ke arah memberikan manfaat meliputi semua lapisan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, penterjemahan kepada kerangka visi dan matlamat di dalam PSLK 2020 ini diselaraskan di dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) yang merupakan pelan tempatan bagi Kuala Lumpur. KWP akan memastikan pelaksanaan halatuju strategik dan inisiatif utama yang terkandung dalam PBRKL 2020 adalah selaras dgn Wawasan, Matlamat, Strategi pembangunan dan dasar-dasar di dalam PSLK 2020 ke arah mencapai visi sebuah Bandaraya bertaraf dunia.

Visi ini telah menjadi keutamaan KWP bagi memastikan perancangan penggunaan tanah diintegrasikan bersama pembinaan infrastruktur dan pengangkutan, penyediaan perumahan mampu milik yang mencukupi, penyediaan keperluan pekerjaan masa hadapan, pembaharuan kawasan usang serta pembinaan kemudahan awam dan rekreasi berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan penduduk tempatan dan antarabangsa. Ke arah memastikan Kuala Lumpur terus menjadi tumpuan pelabur dan masyarakat antarabangsa, usaha melengkapkan infrastruktur sedia ada terutamanya pengangkutan berdasarkan rel akan terus menjadi keutamaan dan komitmen berterusan Kementerian.

Secara keseluruhannya, keutamaan yang dilaksanakan Kementerian dan DBKL telah menempatkan Kuala Lumpur di peringkat global pada kedudukan Ke-2 berdasarkan *Ease of Doing Business*, tempat Ke-25 Bandar Berdaya Saing Dunia, tempat Ke-6 Destinasi Paling Banyak Pengunjung dan telah turut menempatkan 78 Syarikat Multinasional (MNC) Berdaftar pada tahun 2018. Turut menjadi keutamaan Kuala Lumpur adalah untuk memastikan perancangan dan pembangunannya mendokong komitmen antarabangsa antaranya Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Agenda Perbandaran Baharu (NUA), Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana dan Perjanjian Iklim Paris 2015 berkaitan dengan pengurangan pelepasan gas rumah hijau. Untuk mencapai visi tersebut juga, penglibatan dan kerjasama semua pihak berkepentingan termasuk juga komuniti tempatan perlu diperkasakan ke arah mencapai aspirasi masa depan tersebut.

Kini, melihat kepada hala tuju Kuala Lumpur melangkaui 2020 sehingga 2040, Kementerian melalui DBKL telah mula menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang baharu dengan Visi '**BANDAR UNTUK SEMUA**'. Ia adalah berlandaskan aspirasi warga bandar raya terhadap Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang akan terus membangun dengan dinamik dan berprinsipkan pertumbuhan yang saksama, sejahtera, mampan dan berdaya tahan. Sehubungan itu, pembaharuan semula bandar Kuala Lumpur akan dilaksanakan bagi memastikan bandar raya Kuala Lumpur terus maju ke hadapan seiring dengan peredaran masa.

Sekian, terima kasih.